



Borang MG

BORANG PERMOHONAN GERAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN WARISAN
(BORANG PERCUMA boleh dimuat turun dari laman web MPPP / Kaunter Jabatan seperti di atas)

Kepada :

Pengarah Bangunan

Tarikh

:

.....

Majlis Perbandaran Pulau Pinang
Tingkat 14, KOMTAR, Jalan Penang
10675 PULAU PINANG

PERMOHONAN GERAN PENYELENGGARAAN UNTUK BANGUNAN WARISAN

Sukacitanya dimaklumkan bahawa saya ingin memohon geran yang diberikan untuk penyelenggaraan bangunan warisan ('heritage building maintenance grant') yang diiktirafkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Butir-butir berkaitan dengan premis yang dimaksudkan adalah :-

No. Taksiran:	No. Lot:	Sek.:
Alamat Premis:	Bandar/Mukim:	
Nama Pemilik:	No. K/P Pemilik: (lama) (baru)	
Alamat Pemilik (untuk tujuan surat-menyurat):		

Saya mengesahkan bahawa :-

tiada pindaan dan tambahan dibuat terhadap premis tersebut tanpa kelulusan Majlis.

pindaan dan tambahan yang dibuat terhadap premis telah mendapat kelulusan Majlis.

Dengan ini, saya sertakan lakaran pelan dan gambarfoto semasa bangunan yang berkenaan.

Sekian.

Yang benar,

.....
t.t. Pemohon

Nama:

No. K/P:

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
No. Rujukan: Tarikh Pemeriksaan Tapak:
Perakuan: t.t. Pegawai Nama:

Geran penyelenggaraan hanya diberi atas nama pemilik bangunan/pegangan harta yang berada dalam senarai penilaian Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Sila pastikan tuan/puan telah bayar cukai taksiran sebelum membuat permohonan ini.

PEMBERIAN INSENTIF UNTUK PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

Pemberitahuan Am

1. Sebagai insentif untuk pemuliharaan bangunan warisan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) akan memberi geran penyelenggaraan ('maintenance grant') kepada pemilik bangunan warisan yang berkecukupan.
2. Pemberian geran penyelenggaraan adalah tertakluk kepada pematuhan garis panduan pemuliharaan bangunan warisan MPPP.
3. Bangunan-bangunan yang layak menerima geran penyelenggaraan :-
 - (i) Bangunan-bangunan dalam zon pemuliharaan dalam kawasan dalaman bandaraya George Town yang diiktirafkan sebagai bangunan warisan oleh MPPP.
 - (ii) Bangunan-bangunan yang disenaraikan di dalam Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Pulau Pinang sebagai bangunan warisan.
 - (iii) Bangunan-bangunan lain yang diluluskan oleh MPPP sebagai bangunan warisan.
4. Geran penyelenggaraan akan diberi pada setiap tahun bagi tempoh lima (5) tahun bermula dari tahun pertama geran penyelenggaraan diberi.
5. Permohonan geran penyelenggaraan hendaklah dibuat setiap tahun dengan mengisi borang yang ditetapkan oleh MPPP.
6. Pengiraan geran adalah berdasarkan 90% cukai taksiran tahunan bangunan yang berkenaan.
7. Geran penyelenggaraan akan diberi setahun sekali dalam bentuk cek kepada pemilik bangunan sahaja.
8. Cukai taksiran bagi bangunan yang berkenaan hendaklah dibayar mengikut notis cukai taksiran MPPP.
9. MPPP adalah berhak menolak sebarang permohonan atau menarik balik insentif ini pada bila-bila masa sekiranya didapati bangunan yang berkenaan tidak dipelihara dalam keadaan yang baik dan memuaskan atau atas sebarang sebab.